



KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA UNTUK SIARAN SERTA MERTA

**Masalah Keretakan Komplek
Kementerian Dalam Negeri (KDN) Melaka
14 November 2013**

Kuala Lumpur : Menteri Kerja Raya, Datuk Fadillah Yusof mengarahkan satu Pasukan Forensik Jabatan Kerja Raya (JKR) dihantar segera ke Kompleks Kementerian Dalam Negeri (KDN) di Melaka pagi ini, untuk menjalankan pemeriksaan dan siasatan terperinci berhubung masalah keretakan yang berlaku di kompleks berkenaan.

Pasukan diketuai Penolong Pengarah (Forensik Struktur), Encik Basri bin Che Bakar, memeriksa kerosakan dan mengumpul maklumat berhubung punca kejadian berkenaan, dengan data yang dikumpul akan dianalisis oleh pakar struktur dan bahan.

Siasatan memberi tumpuan kepada keseluruhan 4 blok bangunan berkenaan dan tidak hanya tertumpu kepada satu bangunan yang terlibat sahaja. Pasukan berkenaan juga akan mengenal pasti sama ada bangunan berkenaan selamat untuk diduduki dan untuk menentukan tindakan susulan yang perlu diambil sama ada baik pulih atau apa-apa tindakan perlu terhadap bangunan berkenaan.

Pengarah

Cawangan Kejuruteraan Awam Struktur dan Jambatan (CKASJ)

Jabatan Kerja Raya (JKR)

14 November 2013